

Kerajaan Pahang sasar kutipan hasil RM1.137 bilion tahun depan

Oleh [Asrol Awang](#) - Disember 4, 2023 @ 3:33pm

bhnews@bh.com.my



Wan Rosdy menunjukkan naskhah Belanjawan Pahang 2024. - FOTO BERNAMA

KUANTAN: Kerajaan Pahang menyasarkan kutipan hasil mencecah RM1.137 bilion pada tahun depan yang menyaksikan unjuran paling tinggi dalam sejarah negeri ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, berkata unjuran hasil itu meningkat lima peratus berbanding Belanjawan Pahang 2023.

"Daripada jumlah itu, sebanyak RM1.125 bilion akan diperuntukkan bagi perbelanjaan mengurus yang merangkumi perbelanjaan emolumen, perkhidmatan dan bekalan, pemberian dan kenaikan bayaran tetap, serta perbelanjaan lain dan aset, dengan peningkatan sebanyak RM54 juta atau 5.04 peratus berbanding tahun ini.

"Bagi perbelanjaan pembangunan, peruntukan akan disediakan berjumlah RM301.29 juta. Jumlah ini merangkumi projek infrastruktur sebanyak RM171.98 juta dengan pembiayaan secara langsung.

"Sebanyak RM129.30 juta atau 42.92 peratus adalah daripada pinjaman Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek bekalan air," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan Belanjawan Pahang 2024 pada Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-15 Pahang di Wisma Sri Pahang, di sini, hari ini.

Wan Rosdy berkata, Belanjawan Pahang 2024 yang bertema 'Pahang Prihatin, Rakyat Makmur' terus komited mempertingkatkan sektor pertanian negeri dan seterusnya menyumbang kepada proses keterjaminan bekalan makanan negeri.

"Bagi sektor pertanian dan industri asas tani, kerajaan negeri akan memperuntukkan RM58.93 juta pada 2024 bagi mengembangkan lagi sektor pertanian dan industri asas tani di Pahang," katanya.